

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
2019
2 ¼ jam



SMK SUNGAI MANIK
36000 TELUK INTAN, PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....
.....

.....
.....

Bahagian A
[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar rajah di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada faktor kejayaan murid dalam akademik.

Huraikan pendapat anda tentang **faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan murid dalam akademik**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

**FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN MURID
DALAM AKADEMIK**



Menghadiri Program Sekolah



Mendapat Dorongan Keluarga



Memiliki Sikap Positif

Bahagian B
[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Kesihatan amat penting dalam kehidupan kita. Oleh itu, kita perlulah menjaga kesihatan agar berada dalam keadaan yang baik.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara untuk menjaga kesihatan diri agar sentiasa terjaga demi kesejahteraan hidup.

2. Dewasa ini, semangat sayang-menyayangi dalam kalangan masyarakat semakin terhakis ditelan arus pemodenan negara.

Huraikan peranan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk masyarakat yang penyayang.

3. Anda akan menyertai pertandingan syarahan yang bertajuk 'Usaha-usaha untuk Memajukan Destinasi Pelancongan Negara'.

Tulis teks syarahan itu selengkapnya.

4. Bencana alam sering berlaku di serata dunia. Mangsa bencana telah kehilangan harta benda dan ahli keluarga. Sebagai negara penyayang, negara kita sering menghulurkan bantuan untuk menolong negara yang dilanda bencana alam.

Huraikan faedah memberikan sumbangan kepada negara-negara di dunia yang ditimpa bencana.

5. *Pandai-pandailah kau terbang
Menongkah awan mulus dan kabus dingin
Jangan kau pulang
Dengan percikan duka dan balutan luka
Di sayapmu yang patah*

Petikan sajak 'Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus' di atas menjelaskan bahawa penyajak mengharapkan agar anaknya mampu menempuh segala dugaan dan tidak pulang dengan kegagalan.

Jelaskan tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan untuk memenuhi harapan ibu bapa.

KERTAS SOALAN TAMAT